

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4

NAMA PENUH :		KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	PERIBAHASA 2	SK : 4.2 SP : 4.2.1	RUJUKAN :
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Memahami maksud peribahasa. 2. Menggunakan peribahasa dan menghubungkan kait maksudnya untuk dipersembahkan dalam bentuk penulisan.		
AKTIVITI :	1. Murid dapat memadankan peribahasa dengan maksud yang betul. 2. Murid dapat memilih peribahasa yang sesuai dengan ayat.		

LATIHAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Penduduk Taman Akram Jaya hidup tolong-menolong pada setiap masa terutamanya, ketika majlis keramaian. Penduduk Taman Akram Jaya juga tidak memandang pangkat dan harta seseorang sebaliknya orang yang kaya dan ternama sama-sama turun padang melakukan sebarang aktiviti kerana mereka beranggapan tidak turun darjat atau pangkat jika bergaul dengan orang yang biasa. Kehidupan penduduk Taman Akram Jaya sungguh aman dan harmoni kerana mereka bersatu hati, saling bersefahaman dengan sebarang pekerjaan baik yang sukar mahupun yang mudah.

Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing	Ular menyusur akar tidak hilang bisanya	Carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum juga	Bagai bulan dipagari bintang	Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat	Rambut sama hitam, hati lain-lain

LATIHAN 2

BIL	AYAT	PERIBAHASA
1	Sally berasa _____ apabila mendengar khabar angin tentang dirinya diceritakan oleh rakan karibnya kepada orang lain.	
2	Idrus tidak terpilih untuk mewakili sekolah dalam perlawanan bola sepak kerana dia _____.	
3	Encik Rasyid sentiasa mengambil berat tentang kebajikan _____ di bawah bimbingannya.	
4	Walaupun sudah beberapa kali ditegur, Zana masih _____ untuk mematuhi nasihat ibunya itu.	
5	Adila dianggap seorang yang _____ kerana dia dapat memahami sesuatu pembelajaran dengan mudahnya.	
6	Pertolongan yang diberikan oleh Logan ketika Min Ah ditimpa masalah kewangan tidak dibalas oleh Min Ah apabila Logan memohon bantuan daripadanya beberapa bulan yang lalu.	

anak buah

terang hati

kaki bangku

jauh hati

hati batu

**seperti melepaskan anjing
tersepit**

